

TEPAT & TERKINI



**KERTAS PERSEDIAAN
UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK**

Berdasarkan

Tingkatan

2

KSSM

JADUAL SPESIFIKASI UJIAN (JSU)

Bahasa Melayu (02)



1 Set Ujian Awal Tahun

1 Set Ujian Pertengahan Sesi Akademik

3 Set Ujian Akhir Sesi Akademik + JSU

Arahan: Jawab semua soalan dalam setiap bahagian.

BAHAGIAN A
[15 markah]


Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Hani dan kakaknya ketawa apabila _____ teringat akan peristiwa lucu tempoh hari.
A dia
B awak
C beliau
D mereka

想起 好笑

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah ini.



- 2 Pertandingan Menulis _____ Merdeka 2025 itu menawarkan hadiah yang menarik kepada tiga orang pemenang bertuah.
A Cerpen
B Jenama
C Debunga
D Pawagam

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betulnya.

- 3 I Haus gigi menyebabkan rasa sakit yang sangat mengganggu.
II Pelumba lari itu minum dua botol air kerana terlalu haus.
III Ayah menukar tayar motosikalnya yang sudah haus itu dengan tayar baharu.
IV Novel "Warkah Buat Bonda" itu mengisahkan anak yang haus akan kasih sayang ibunya.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

导致

SET 4 K1 – 2

- 4 I Nenek *menganjurkan* kedua-dua belah kakinya kerana berasa lenguh.
 II Kementerian Pendidikan akan *menganjurkan* kempen membaca selama sebulan.
 III Ahli Persatuan Geografi *menganjurkan* agar lawatan ke kilang nanas diadakan pada cuti sekolah.
 IV Pertandingan Robot Tempur Malaysia 2024 *menganjurkan* oleh MOSTI melalui Pusat Sains Negara.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 5 Mangsa-mangsa yang terlibat di dalam banjir kilat itu akan ditempatkan di dewan sekolah.
 A dalam banjir kilat
 B dengan banjir kilat
 C ke dalam banjir kilat
 D di dalam banjir kilat
- 6 Dia berminat untuk menjadi penari tarian singa profesional sejak daripada kecil.
 A sejak kecil
 B sejak dari kecil
 C sejak kecil-kecilan
 D sejak daripada kecil

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 7 I Konsep utama sukan rekreasi ialah untuk mendapat kepuasan sendiri.
 II Para peserta perkhemahan Kelab Lestari Alam itu hanya bertilamkan rumput.
 III Kerajaan merancang menjadikan Kuala Lumpur sebagai hab industri digital serantau.
 IV Program Kembara Perpaduan Malaysia memberikan impak besar kepada seluruh lapisan masyarakat.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja

- 8 I Slogan 3R dalam kempen kitar semula sudah berusia ketiga dekad.
II Media massa memainkan peranan penting untuk memartabat bahasa Melayu.
III Tunku Abdul Rahman merupakan pemimpin paling lantang mempertahankan nasib rakyat.
IV Usahawan makanan itu tidak pernah menyesal memilih bidang perniagaan sebagai kerjayanya.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 9 Kegiatan pembalakan haram telah memusnahkan hutan, iaitu aset alam semula jadi negara.
- A Kegiatan pembalakan hutan secara haram telah memusnahkan aset semula jadi negara.
B Aset alam semula jadi negara telah dimusnahkan oleh kegiatan di hutan dan pembalakan haram.
C Hutan yang merupakan aset alam semula jadi negara telah dimusnahkan oleh kegiatan pembalakan haram.
D Kegiatan alam semula jadi negara telah memusnahkan hutan dan aset pembalakan secara haram.

Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- 10 "Dalam mengadili sesuatu perkara, kalian mestilah bersikap adil. Yang bersalah tetap bersalah walaupun dia rakan karib kalian. _____," pesan guru disiplin kepada para pengawas.

Apakah kata-kata hikmat yang paling sesuai dengan situasi di atas?

- A Bersekutu bertambah mutu 团结就是力量
B Keadilan tidak mengenal kawan 公正
C Rajin dan usaha tangga kejayaan
D Kata-kata lebih tajam daripada mata pedang 言语比刀剑更伤人

13

“Ini bukan demam biasa,” kata Dodo. “Kita perlu bawa ke hospital.”

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah perwatakan Dodo yang paling tepat?

- A Bertanggungjawab
- B Penyabar
- C Baik hati
- D Amanah

14 Mengapakah ahli-ahli suku menawarkan sedikit beras atau hasil buruan mereka kepada pemandu-pemandu lori balak?

- A Untuk mengangkut bijih ke bandar
- B Untuk membawa anak Dodo ke hospital
- C Untuk menumpangkan mereka ke bandar
- D Untuk membantu mereka menyerang raksasa Qadqad

15 Antara pernyataan berikut, yang manakah **benar** tentang petikan?

- A Raksasa Qadqad pernah menyerang ahli suku.
- B Jalan kereta api memakan masa yang lebih singkat.
- C Jarak antara hospital dengan petempatan Talia agak dekat.
- D Talia dan keluarganya sudah bertahun-tahun menetap di Bukit Ungu.

Soalan 11 – 15 berdasarkan bahan di bawah ini.

Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Memang resmi mereka berpindah-randah apabila tanah lereng bukit yang dikerjakan merosot kesuburannya. Namun, mereka baru berpindah ke Bukit Ungu beberapa bulan. Rata-rata ahli suku berasa sayang untuk meninggalkan huma yang sedang dikerjakan.

Walaupun belum semusim berkampung di situ, semua orang dapat melihat betapa gemuknya padi mereka, seolah-olah buminya berkhasiat ajaib. Tanah di situ berbaur warna ungu. Bauran itu tersebar di seluruh lereng, bagaikan cincin melingkari gunung.

Setelah menilik timbang betapa Qadqad tidak pernah menyerang, kebimbangan mereka pun beransur pudar. Sehingga tibanya suatu hari, apabila adik lelaki Talia, Jini, disambar demam. Dari malam menjelang pagi, panas badannya tidak surut juga. Bibir Jini kering mengeruping.

“Ini bukan demam biasa,” kata Dodo. “Kita perlu bawa ke hospital.”

“Hospital?” Misa tergamam. “Jauh tu!”

“Begini, kita tumpang saja kereta api lombong,” cadang Dodo, yakin.

Petempatan mereka dengan lombong di utara sebenarnya tidak terlalu jauh. Saban tengah hari, mereka dapat mendengar bunyi kereta api datang dan pergi untuk mengangkut bijih ke bandar. Cuma jarak antara mereka dipisahkan oleh hutan dan belukar.

Ahli-ahli suku itu lebih biasa melalui denar ke timur yang bertemu dengan jalan balak. Jika ditawarkan sedikit beras atau hasil buruan, pemandu-pemandu lori balak sedia menumpangkan mereka. Lewat petang hari yang sama, sampailah mereka ke destinasi. Namun, pemandu-pemandu lori itu juga pernah memberitahu, jalan kereta api memakan masa yang lebih singkat.

Dipetik daripada cerpen ‘Talia dan Raksasa Qadqad’
antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2,
Kementerian Pendidikan Malaysia

11 Berdasarkan petikan, rangkai kata *beransur pudar* membawa maksud

- A bertambah malap.
- B bertambah jelas.
- C semakin terang.
- D semakin hilang.

12 Walaupun belum semusim berkampung di situ, semua orang dapat melihat betapa gemuknya padi mereka, seolah-olah buminya berkhasiat ajaib.

Nyatakan kata-kata hikmat yang sesuai dengan pernyataan di atas.

- A Bersatu teguh, bercerai roboh
- B Orang yang berusaha pasti berjaya
- C Berbudi kepada tanah, lambat laun mendapat hasilnya
- D Orang malas mencari alasan, orang rajin mencari jalan